

Pembangunan Insan Seimbang: Tinjauan terhadap Tadbir Urus Institusi Pengajian Tinggi Islam

NORZIAH OTHMAN
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
norziah@kuis.edu.my

ABSTRAK

Elemen yang diterapkan di institusi pengajian tinggi Islam dalam menyempurnakan akhlak mahasiswa diteroka dalam kajian ini. Perbincangan bersama dengan pihak pengurusan di setiap IPT telah menghasilkan beberapa faktor yang menjadi inti pati kepada penyempurnaan akhlak mahasiswa masing-masing. Antara faktor yang telah dikenal pasti adalah program khidmat masyarakat yang menjadi medium bagi mahasiswa mendekati masyarakat sambil berdakwah. Program keusahawanan melalui subjek khusus juga boleh mencungkil kebolehan mahasiswa dan ia dilihat mampu mengembangkan nilai yang dimiliki oleh seorang mahasiswa. Mahasiswa yang terlibat dalam program keusahawanan ternyata mampu diasuh agar menjadi insan yang berani mengambil risiko, bersaing dan kreatif dalam membangunkan perniagaan. Masjid atau pusat Islam yang dimiliki oleh setiap IPT antara medan yang menyumbang kepada penyatuan ummah dan penyempurnaan akhlak di samping peraturan khusus yang perlu dipatuhi sepanjang pembelajaran di kampus. Jalinan industri melalui latihan industri yang dijalani oleh setiap mahasiswa di syarikat-syarikat tertentu di luar kampus turut memberikan kekuatan kepada IPT dalam menyempurnakan akhlak mahasiswa. Hasil kajian ini telah memacu kesepakatan semua IPTI bagi mencadangkan suatu keseragaman rubrik dalam mengukur dan menilai keberkesanan sesuatu program khidmat masyarakat. Peranan masjid pada tahap yang paling maksimum melalui penglibatan semua warga kampus perlu ditekankan. Program keusahawanan yang melibatkan penilaian yang seragam berserta keterlibatan pihak tertentu perlu bagi suntikan dana yang boleh dijadikan modal kepada mahasiswa bagi memulakan perniagaan. Latihan industri perlu diwajibkan kepada mahasiswa peringkat ijazah sarjana muda dengan menyediakan struktur penilaian yang seragam bagi semua IPT. Pandangan daripada pihak majikan perlu juga diperolehi bagi mengenal pasti keperluan mereka terhadap mahasiswa sebagai memenuhi kehendak pasaran. Hasil penyelidikan ini pastinya berguna kepada pihak pengurusan setiap IPT terutamanya dalam merangka strategi pada masa akan datang demi menyempurnakan akhlak mahasiswa. Maklumat ini penting kepada pihak tertentu seperti pembuat dasar di Kementerian Pendidikan Malaysia serta ahli pendidik yang terdiri daripada guru, pensyarah, kaunselor, penyelidik berkaitan, ahli falsafah serta perwakilan mahasiswa.

Kata kunci: Khidmat Masyarakat, Masjid, Latihan Industri, Keusahawanan

PENGENALAN

Unsur kerohanian dalam diri manusia merupakan paksi sebenar dan hakikat sejati diri yang perlu disuburkan dan dibangunkan bersama unsur-unsur keimanan (Zakaria, 2009). Keutuhan iman dan kemuliaan akhlak yang menghiasi persada kerohanian ummah mampu menjamin kelestarian tamadun manusia yang berkualiti tinggi.

Seorang penyair Arab pernah bermadah bahawa keunggulan tamadun sesuatu bangsa itu adalah terletak pada akhlak bangsa itu sendiri. Jika runtuh akhlaknya, maka runtuhlah tamadun serta negara tersebut. Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad pernah menyatakan pendiriannya ketika pemerintahannya pada penggal yang lalu bahawa Malaysia boleh menjadi sebuah negara maju menjelang abad ke 21 jika warganegarannya bermoral dan beretika. Menurut Ab. Halim Tamuri (2005), sesuatu bangsa yang maju perlu mempunyai nilai-nilai hidup yang positif, progresif dan dinamik.

Oleh itu, pendidikan hari ini memerlukan suatu perubahan dan integrasi ilmu yang bersepadu agar dapat melahirkan modal insan seperti yang dihasratkan. Matlamat pendidikan adalah membangunkan kesemua aspek diri manusia secara harmonis dan seimbang agar kesepaduan fitrah diri manusia terpelihara (Mohd Yunus Sharum, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Mohd Rohaizat Abd Wahab & Mat Rofa Ismail 2010). Sistem pendidikan yang holistik, berkualiti dan bersepadu dipercayai berupaya menghasilkan insan yang seimbang dan cemerlang sepertimana yang ditekankan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan

"Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara."

(Pusat Perkembangan Kurikulum 2006 muka surat 3)

Berilmu dan berpendidikan seharusnya menghasilkan insan yang berbudi pekerti baik dan berakhlak mulia justeru mampu menjadi ciri-ciri asas seorang individu unggul dalam keluarga dan masyarakat (Hamidah Sulaiman, Ibrahim Mohamed Zin & Siti Salina Abdullah 2010).

SOROTAN LITERATUR

Terminologi akhlak secara mudahnya merujuk kepada kelakuan atau tingkah laku yang baik. Justeru itu, terminologi ini sinonim dengan lain-lain terminologi yang membawa kepada pengertian yang sama seperti moral, nilai, etika, dan sebagainya. Perkataan moral berasal daripada bahasa Latin "moralis" yang merujuk kepada adat dan kebiasaan sesuatu masyarakat, manakala perkataan etika pula berasal daripada bahasa Greek "ethos" yang merujuk kepada karakter. (Kirkpatrick, F.; Morris, K.; Nolan, Richard T. (2000). *Living Issues in Ethics*)

Jika dilihat kepada perbincangan mengenai konsep akhlak dari perspektif barat dan Islam, kita akan dapati bahawa kedua-duanya tidak berbeza pandangan dalam menentukan definisi serta peranan akhlak itu sendiri yang merupakan satu set nilai yang mempengaruhi tingkah laku manusia (Allport, G. W. (1937). *Personality* (pp. 173-181). New York: Holt.). Sebaliknya, perbezaan yang berlaku adalah pada menentukan set-set nilai tersebut, di mana Islam meletakkan wahyu sebagai penentu kepada sesuatu nilai, manakala barat tidak mengiktiraf kepada unsur-unsur rohani dalam penentuan domain-domain nilai.

Berbeza dengan perspektif barat melihat kepada konsep akhlak, Islam secara jelas telah menggariskan konsep akhlak, bahkan pengutusan Nabi Muhammad S.A.W. itu sendiri merupakan satu misi ke arah penyempurnaan akhlak. Oleh itu, Islam telah meletakkan satu panduan yang jelas dalam menentukan baik buruk sesuatu perkara. Justeru itu, apa yang dianggap baik oleh Islam adalah sentiasa berkekalan baik, kerana sistem nilai tersebut tidak berubah-ubah, konsisten semenjak penurunan wahyu 1400 tahun yang lampau, dan seterusnya

berjaya menjawab persoalan mengenai baik dan buruknya sesuatu kelakuan seperti yang dibincangkan oleh ahli falsafah barat.

Akhlak yang mulia bagi seseorang insan terbentuk daripada cantuman disiplin yang tinggi, amalan yang soleh, sikap yang positif, watak yang baik, gaya hidup yang kemas dan bersih, pemikiran yang luas dan terbuka, emosi yang stabil, pegangan hidup yang penuh beriman, perilaku yang sopan dan pergaulan yang beradab (Al-Ghazali 1990). Menurut Al-Ghazali lagi, akhlak yang mulia hakikatnya merujuk kepada akhlak yang dibentuk berasaskan ketakwaan kepada Allah SWT. Namun masalah keruntuhan akhlak yang berleluasa berlaku kini adalah disebabkan oleh mahasiswa yang tidak memahami dan menghayati falsafah pendidikan dengan jelas (Wan Mohd Nor 2006).

Kehilangan adab ialah hilangnya disiplin-disiplin tubuh, fikiran dan jiwa serta roh iaitu disiplin (Syed Muhammad Naquib, 1995) yang menjamin pengiktirafan dan penghargaan seseorang akan kedudukan yang sewajarnya. Kehilangan adab membayangkan kehilangan keadilan yang boleh menyebabkan pengkhianatan dan kekeliruan ilmu (Syed Muhamad Dawilah, 1999). Menurut Wan Mohd Nor (2006), manusia tidak seharusnya menolak mentah-mentah kemodenan dan globalisasi yang berlaku pada hari ini malah perlu sentiasa positif selagi ia tidak memudaratkan.

Pendidikan bukan sahaja bermatlamat menghasilkan mahasiswa yang sihat jasmani dan rohaninya malah mampu membangunkan peradaban dan tamadun. Globalisasi yang mendatangi kini memberi kesan secara langsung kepada pola pemikiran dan gaya hidup warganya. Liberalisasi yang bersifat ofensif juga memberi kesan kepada isu-isu budaya dan pemikiran keagamaan khusus dalam kalangan generasi masa kini. Menurut Miqdan Yasjin (1991) sejak zaman pertengahan Eropah telah tercatat bahawa teori pendidikan ketika itu ialah usaha manusia mengelak kemusnahan dunia dan mencari kesenangan alam selepas mati.

Menurut Mohammad Fazril (2012), pendidikan kita tidak seharusnya ditentukan secara mutlak oleh pasaran dan industri. Makna dan nilai pendidikan seharusnya difahami terlebih dahulu agar pendidikan bukan setakat sebagai alat memuaskan kehendak industri, malah mampu mengajar manusia memahami erti kehidupan, mengenali hikmah perjalanan kehidupan sejagat, mengetahui kehebatan Pencipta dan menghargai setiap detik kehidupan. Oleh itu pendapat yang menyatakan bahawa belajar adalah untuk mendapatkan maklumat dan kemahiran semata-mata demi memenuhi kehendak industri hendaklah dikikis daripada ruang minda seseorang graduan. Sebaliknya pembangunan masyarakat yang berasaskan aspek kualitatif diri seorang insan (Wan Zah et. al, 2007) perlu dititikberatkan dan menjadi fokus pembelajaran seiring dengan pengetahuan dan kemahiran.

Mohd. Nur (1984) menyatakan bahawa dunia pendidikan kini amat memerlukan penyelesaian drastik melalui pendekatan rohani dan keimanan. Mahasiswa yang unggul adalah mahasiswa yang berkebolehan berfikir secara kreatif dan kritis serta mampu bertindak secara rasional. Pembelajaran sepanjang hayat yang diamalkan juga perlu selain daripada mempunyai nilai yang tinggi serta berupaya menjadi pemimpin yang berkesan dalam keluarga dan masyarakat. Nilai murni yang diterapkan dalam masyarakat mengukuhkan lagi tuntutan dan komitmen ke arah melaksanakan pendidikan yang seimbang. Kecemerlangan bukan hanya tertumpu kepada sistem pendidikan tetapi juga difokuskan kepada insan yang menerima pendidikan yang mematuhi konsep kecemerlangan insan (Norizan, Noriah, Hasnuriah & Ruslan, 2007).

METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan kajian secara kualitatif digunakan dalam kajian ini apabila perbincangan berasaskan kumpulan berfokus diadakan melibatkan wakil-wakil pengurusan kolej bagi

pembangunan mahasiswa. Lapan buah institusi pengajian tinggi (IPT) Islam di seluruh Malaysia menghantar seorang wakil bagi membincangkan yang bersidang pada 21 April 2016 di salah sebuah hotel di Bangi ini membincangkan beberapa perkara iaitu elemen dan faktor yang berupaya membantu IPT Islam kepada penyempurnaan akhlak mahasiswa masing-masing.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Elemen-elemen yang diterapkan di institusi pengajian tinggi Islam dalam menyempurnakan akhlak mahasiswa diteroka dalam kajian ini. Perbincangan bersama dengan pihak pengurusan di setiap IPT Islam telah menghasilkan beberapa faktor yang menjadi inti pati kepada penyempurnaan akhlak mahasiswa masing-masing. Antara faktor yang telah dikenal pasti adalah program khidmat masyarakat yang menjadi medium bagi mahasiswa mendekati masyarakat sambil berdakwah.

Program keusahawanan melalui subjek khusus juga boleh mencungkil kebolehan mahasiswa dan ia dilihat mampu mengembangkan nilai yang dimiliki oleh seorang mahasiswa. Mahasiswa yang terlibat dalam program keusahawanan ternyata mampu diasuh agar menjadi insan yang berani mengambil risiko, bersaing dan kreatif dalam membangunkan perniagaan. Program keusahawanan yang melibatkan penilaian yang seragam berserta keterlibatan pihak tertentu seperti MARA, Yayasan ANGKASA, Kementerian Kewangan perlu bagi suntikan dana yang boleh dijadikan modal kepada mahasiswa bagi memulakan perniagaan.

Masjid atau pusat Islam yang dimiliki oleh setiap IPT antara medan yang menyumbang kepada penyatuan ummah dan penyempurnaan akhlak di samping peraturan khusus yang perlu dipatuhi sepanjang pembelajaran di kampus. Peranan masjid pada tahap yang paling maksimum melalui penglibatan semua warga kampus perlu ditekankan.

Jalinan industri melalui latihan industri yang dijalani oleh setiap mahasiswa di syarikat-syarikat tertentu di luar kampus turut memberikan kekuatan kepada IPT Islam dalam menyempurnakan akhlak mahasiswa. Latihan industri perlu diwajibkan kepada mahasiswa peringkat ijazah sarjana muda dengan menyediakan struktur penilaian yang seragam bagi semua IPT. Pandangan daripada pihak majikan perlu juga diperolehi bagi mengenal pasti keperluan mereka terhadap mahasiswa sebagai memenuhi kehendak pasaran.

Hasil penyelidikan ini pastinya berguna kepada pihak pengurusan setiap IPT terutamanya dalam merangka strategi pada masa akan datang demi menyempurnakan akhlak pelajar. Maklumat ini penting kepada pihak tertentu seperti pembuat dasar di Kementerian Pendidikan Malaysia serta ahli pendidik yang terdiri daripada guru, pensyarah, kaunselor, penyelidik berkaitan, ahli falsafah serta perwakilan pelajar.

KESIMPULAN DAN PENUTUP

Jiwa yang merdeka adalah jiwa yang bebas melaksanakan tanggungjawab tanpa meniru secara membuta tuli agar jati diri serta adab budaya dapat dipertingkatkan tanpa dipengaruhi budaya sekular. Pendidikan merupakan proses taadib iaitu pengenalan, pemahaman dan pengiktirafan yang dikembangkan dan diperkukuhkan secara perlahan-lahan dalam diri. Kehilangan adab membuatkan manusia memusnahkan pemahaman atau definisi yang benar dan menggantikannya dengan slogan yang kabur lagi menyesatkan. Pendekatan pendidikan barat, amalan sosio budaya dan kebiasaan yang dibawa oleh penjajah hanya akan melenyapkan identiti dan jati diri bangsa sendiri. Sebaliknya apa yang sebaik-baiknya dilakukan adalah meniru mana yang sewajarnya baik yang boleh menambahkan kekuatan bangsa.

RUJUKAN

Al-Quran alKarim.

- A.Jalil, Noor Azyani and Esa & Ahmad. (2012). Kemahiran menyelesaikan masalah menerusi aktiviti kokurikulum (khidmat masyarakat) dalam kalangan pelajar. In: *Prosiding Seminar Pendidikan Ijazah dalam PTV kali ke 2 Tahun 2012, 13 Jun 2012, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*.
- Miqdan Yasjin. (1991). Maa'lim Nazariyah Al-Tarbiah Al-Islamiyyah, *Riyad: Dar I'lm Kitab*.
- Mill, John Stuart. (1993). Utilitarianism, on liberty, considerations on representative government. London: Everyman, 1993.
- Mohammad Fazril Mohd Saleh. (2012). IPTS tak patut ketepikan kemanusiaan kau untung. *Berita Harian*, 27 Mac 2012: ms. 17.
- Olson, Robert G. (1967). Deontological ethics. In Paul Edwards (ed.), *The Encyclopedia of Philosophy New York, Macmillan*
- Saeed Ismail. (2007). Usul Al-Tarbiah Al-Islamiyyah, *Kaherah: Dar Al-Islam, Cetakan 2*.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2012). Knowledge culture and the concept of 1 Malaysia building: A developed and happy nation. *Putrajaya: Penerbitan Akademia Kenegaraan BTN*.
- Wan Mohd. Nor Wan Daud. (2006). Kemerdekaan Dalam Islam Melayu Malaysia. *Pemikiran-Telaga Akal Pancuran Budi*. 45: 1-18.
- Wan Zah Wan Ali, Sharifah Md Nor, Siti Suria Salim, Othman Mohamed, Kamariah Abu Bakar, Arshad Abd. Samad, Ramlah Hamzah, Rohani Ahmad Tarmizi, Rasid Jamian & Hayat Marzuki. (2009). Persepsi pelajar berisiko terhadap iklim Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34 (1) 17-36.
- Wan Zah Wan Ali, Sharifah Kartini Said Husain, Habsah Ismail, Ramlah Hamzah, Mat Rofa Ismail, Mohd. Majid Konting & Rohani Ahmad Tarmizi. (2005). Kefahaman guru tentang nilai Matematik. *Jurnal Teknologi, Universiti Teknologi Malaysia*. 43(E): 45-62.